

Publication	Utusan Borneo	Section /Page No.	Ekonomi / Pg. A6
Date	Mon, 9th Oct 2017	Lead Article	No
Headline	1,000 Belia Bumiputera Dipilih Ikuti Program TUBE Mega		

1,000 belia Bumiputera dipilih ikuti program TUBE Mega

KOTA BELUD: Sebanyak 1,000 belia Bumiputera dipilih mengikuti latihan dan bimbingan keusahawanan melalui program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) Mega di 10 Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) di seluruh negara selama tiga minggu bermula 1 Okt, 2017.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata peserta TUBE Mega akan menjalani tiga fasa iaitu latihan berkonspek 'boot camp' dan bengkel asas perniagaan sebagai persediaan untuk menceburi bidang keusahawanan.

"Peserta yang berjaya menjalani latihan serta mendaftarkan perniagaan layak memohon geran permulaan perniagaan bernilai RM15,000 untuk membantu mereka memulakan perniagaan.

"Setelah menjalani latihan, perniagaan peserta akan dipantau selama setahun melalui 'sistem buddy' yang akan dikendalikan oleh kaunselor perniagaan SME Corporation Malaysia (SME Corp)," katanya ketika berucap merasmikan program TUBE Mega peringkat kebangsaan di PLKN Sinar Jaya dekat sini, semalam.

Hadir sama Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah Datuk Mustah Jamli yang mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, serta Pengerusi SME Corp Tan Sri Mohamed Al Amin Abdul Majid.

Perasmian program TUBE Mega peringkat kebangsaan itu turut dijalankan serentak dengan perasmian peringkat negeri di sembilan kem PLKN lain di seluruh negara kelmarin.

Mustapa berkata, program TUBE Mega merupakan antara usaha kerajaan untuk meningkatkan penglibatan belia Bumiputera dalam perniagaan, di samping melonjakkan pendapatan dan memberi peluang pekerjaan kepada golongan berpendapatan rendah.

"Program ini telah mula dilaksanakan pada 2014 dengan dikenali sebagai TUBE 1.0, TUBE 2.0 (2015) dan TUBE 3.0 (2016) namun, pada tahun ini kita namakannya sebagai TUBE Mega kerana peserta telah bertambah sebanyak 1,000 orang.

"Sebelum ini kita hanya memilih 500 peserta setiap tahun tetapi kali ini kita bersyukur kerana Perdana Menteri

Datuk Seri Najib Tun Razak dan Abdul Rahman (Dahlan) telah meluluskan penambahan peruntukan untuk melaksanakan program ini," katanya.

Beliau turut berharap kerajaan terus memberi peruntukan bagi mengadakan program berkenaan pada masa akan datang.

"Kita berharap kerajaan terus memberi perhatian terhadap program ini, sekaligus menjadikannya sebagai agenda utama dalam menghasilkan usahawan yang berjaya," katanya.

Sementara itu, Mohamed Al Amin berkata sejak program berkenaan dilaksanakan pada 2014, ia telah berjaya mewujudkan 1,425 usahawan belia Bumiputera.

"Usahawan berkenaan juga berjaya mewujudkan 3,420 pekerjaan serta mencatatkan jualan terkumpul sebanyak RM39.8 juta," katanya.

Beliau berkata, untuk melaksanakan TUBE Mega, pihaknya telah mendapat dana sokongan sebanyak RM11 juta daripada Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) sebagai tambahan kepada dana sedia ada sebanyak RM9 juta, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM20 juta. — Bernama